

**BORANG PENYERTAAN**  
**Persidangan Pegawai Sains Kebangsaan Kali Ke-2 (PPSK 2012)**  
**Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Nama** : .....

**Jawatan** : .....

**Organisasi/ Institusi** : .....

**Alamat** : .....

**Poskod** : ..... **Negeri**: .....

**No. Telefon** : ..... **No. Faksimili** : ..... **Mel-e**: .....

**Saya ingin mengambil bahagian sebagai: (sila tanda (√))**

Pembentang Kertas Kerja       Pembentang Poster       Peserta Biasa

**Tajuk Pembentangan** : .....

.....

.....

**Sila tanda (√) pada skop pembentangan:**

Pengurusan Makmal       Pengurusan Keselamatan       Pengurusan Instrumentasi

**Yuran Penyertaan:**

PESERTA	YURAN PENYERTAAN
<input type="checkbox"/> Perseorangan	RM 700
<input type="checkbox"/> Berkumpulan (Untuk 3 atau lebih peserta daripada organisasi yang sama)	RM 650
<input type="checkbox"/> Antarabangsa	USD 300

**Cara Pembayaran:**

Cek       Pesanan Rasmi       Bank Draf

1. Semua draf bank /pesanan rasmi atau cek (Malaysia sahaja) hendaklah dibuat atas nama **BENDAHARI UKM** dan dihantar kepada **SEKRETARIAT PPSK 2012, d/a PUSAT PENGAJIAN FIZIK GUNAAN, FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI, 43600 UKM BANGI, SELANGOR (u.p : Hani Azlin Hussin Shaukat)** bersama borang pendaftaran.

**Nama Akaun** : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
**Nombor Akaun** : 1218-0010075-05-3  
**Nama Bank** : CIMB Bank BHD., Lot 1.04 & 1.05, Level 1, Wisma UNIKEB, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA  
**Kod Swift** : CIBB MYKL

Sila faks/emel/pos kepada kami salinan Cek/Pesanan Rasmi/ Bank Draf sebagai bukti pembayaran bagi pengesahan pendaftaran.

**Tandatangan:** ..... **Tarikh:** .....

**\* SILA FAKS BORANG PENYERTAAN INI KE NOMBOR 03-8921 3777 (u.p : HANI AZLIN HUSSIN SHAUKAT)**



## LATAR BELAKANG:

Persidangan Pegawai Sains Kebangsaan 2009 (PPSK 2009) yang pertama telah diadakan dengan jayanya pada 1 hingga 3 Disember 2009 di Klana Resort, Seremban. Seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada pegawai sains dari pelbagai insitituti kerajaan dan institusi pengajian tinggi telah menyertai persidangan ini. Kesenambungan daripada persidangan itu, jawatankuasa merasakan perlu untuk memastikan setiap resolusi yang dihasilkan semasa persidangan pertama ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua kakitangan perkhidmatan sains bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sains. Secara umumnya, perkhidmatan sains mempunyai klasifikasi bidang tugas yang sangat luas dan memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Malaysia.

Sederap dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara kini, inovasi dalam perkhidmatan sains adalah salah satu mekanisma utama dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan sesebuah makmal. Antara inovasi dalam perkhidmatan adalah seperti pengoptimuman penggunaan instrumentasi dalam analisis, amalan terbaik yang melibatkan prosedur kerja yang menjimatkan kos dan masa serta pengurusan dan keselamatan makmal yang efektif. Cetusan inovasi yang dihasilkan dalam perkhidmatan sains adalah didokong oleh pembangunan sumber manusia yang teguh, seimbang dan tersusun.

Oleh itu, Persidangan Pegawai Sains Kebangsaan Kali Ke-2 (PPSK 2012) bertemakan '**Perkhidmatan Sains Berkualiti Pemangkin Kecemerlangan Saintifik**' menekankan isu – isu inovasi dalam perkhidmatan sains yang merangkumi aspek perkhidmatan makmal, instrumentasi, pengurusan dan keselamatan makmal serta amalan terbaik melalui penandaarasan antara institusi dalam dan luar negara. Sehubungan dengan itu, melalui persidangan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah dalam aspek inovasi perkhidmatan sains sekaligus menyokong teguh rancangan pembangunan negara.

## OBJEKTIF:

- Penataran ilmu, idea, dan inovasi terkini antara peserta
- Perkongsian amalan terbaik berdasarkan penandaarasan antara institusi dalam dan luar negara
- Meningkatkan kecemerlangan dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan
- Penambahbaikan dalam pengurusan dan keselamatan makmal
- Pemantapan pembangunan sumber manusia dalam perkhidmatan sains

## SKOP:

- Pengurusan Makmal
- Pengurusan Keselamatan
- Pengurusan Instrumentasi

## PESERTA:

Kakitangan perkhidmatan sains daripada agensi kerajaan dan institut pengajian tinggi dalam dan luar negara.

## JEMPUTAN PENYERTAAN SECARA LISAN DAN POSTER:

Sekretariat PPSK 2012 menjemput peserta untuk pembentangan secara lisan atau poster. Kertas kerja akan dikaji semula dan dipilih berdasarkan kepada skop persidangan dan berpotensi untuk menjana perbincangan. Kertas kerja boleh dibentangkan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kami dengan hormatnya menjemput anda untuk mengemukakan idea-idea dan pandangan anda untuk persidangan ini.

## JENIS PEMBENTANGAN:

### Pembentangan lisan

Setiap pembentang akan diberikan masa selama 15 - 20 minit untuk pembentangan lisan termasuk sesi soal jawab. Semua persembahan slaid perlu dikemukakan kepada jawatankuasa penganjur semasa pendaftaran bagi melancarkan pembentangan.

### Pembentangan poster

Setiap pembentang poster hendaklah membentangkan poster pada panel paparan yang disediakan. Saiz poster adalah bersaiz A1 (*Potrait*)

## PANDUAN KEPADA PENULIS

- Tajuk penulisan (*centered, bold, capitalize each word*)
- Nama Penulis (sekiranya lebih dari seorang gariskan nama pembentang) (*centered, bold, capitalize each word*)
- Institusi Penulis (sekiranya lebih dari seorang gunakan superscript untuk institusi setiap penama) (*centred, italic*)
- Tarikh Pembentangan (*centered, italic*)
- Abstrak (*bold, centered*)
  - Tidak melebihi 200 patah perkataan dalam satu perenggan
  - Ditulis dalam Times New Roman saiz 12, *justified*
  - Kata kunci tidak melebihi 5 perkataan (*italic*)
- Penghargaan
- Alamat penuh dan maklumat penuh untuk dihubungi

## ABSTRAK PANJANG

Penulis diminta untuk menghantar abstrak panjang (tidak melebihi 5 mukasurat) yang mengandungi keputusan awal, angka atau jadual untuk semakan. Abstrak panjang hendaklah ditaip dengan jarak tunggal antara setiap ayat. Saiz tulisan 12, Times New Roman, saiz kertas A4 dengan margin normal. Draf kertas kerja penuh adalah disyorkan. Abstrak hendaklah menyatakan dengan jelas bahagian pendahuluan, kaedah kajian, isi rencana, perbincangan dan rujukan.

## JEMPUTAN UCAP UTAMA DAN PLENARI

❖ **YBhg. Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah bt. Mohd. Yusoff**, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

❖ **Professor Datin Dr. Zuriati Zakaria**, Setiausaha, Insititut Kimia Malaysia

❖ **Dr. Hamidah Musa**, Ketua Makmal Bioteknologi, Sime Darby Biotech Laboratory, Sime Darby Berhad

❖ **Dr. Fanny L Y Shek**, *Head of Materials Characterisation and Preparation Facility, Hong Kong University of Science and Technology (HKUST)*

❖ **Professor Dr. Bay Boon Huat**, *Head Department of Anatomy, Yong Loo Lin School of Medicine, National University of Singapore (NUS)*

❖ Makmal Metrologi Kebangsaan, SIRIM Bhd, Malaysia

## ATURCARA PROGRAM:

Persidangan ini terdiri daripada sesi ucap utama, sesi plenari, sesi selari untuk pembentangan lisan tema sub-khusus, dan sesi poster.

Tarikh	Masa	Aktiviti
17.04.2012	0800 0900 1030 1045 1130	Pendaftaran peserta Majlis Perasmian Minum pagi Sesi Ucapan Utama Pembentangan Kertas Kerja 1 - 3
	1230 1400	Makan Tengahari Plenari 1: Pengurusan Instrumentasi Makmal
	1500	Pembentangan Kertas Kerja 4 - 7
	1630 2000	Minum petang Majlis Makan Malam
18.04.2012	0900	Plenari 2: Pengurusan Keselamatan Makmal
	1000 1020	Minum pagi Pembentangan Kertas Kerja 8 – 9
	1100 1200 1230 1400	Plenari 3: Pengurusan Makmal Pembentangan Kertas Kerja 10 Makan Tengahari Plenari 4: Pengurusan Instrumentasi Makmal
	1500	Pembentangan Kertas Kerja 11 – 14
	1630	Minum petang
19.04.2012	0900	Plenari 5: Pembangunan Sumber Manusia
	1000 1030	Minum pagi Pembentangan Kertas Kerja 15 - 16
	1100	Plenari 6: Pengurusan Keselamatan
	1200 1230	Rumusan dan Majlis Penutup Makan Tengahari

## YURAN PENYERTAAN:

Yuran penyertaan meliputi bahan kos persidangan, kudapan dan makan tengahari. Bayaran melalui cek/pesanan rasmi /bank draf hendaklah dibuat atas nama **BENDAHARI UKM** dan hendaklah dihantar kepada **SEKRETARIAT PPSK 2012, d/a Pusat Pengajian Fizik Gunaan, Fakulti Sains Dan Teknologi, 43600 UKM Bangi, Selangor D.E** untuk urusan pembayaran selanjutnya.

PESERTA	YURAN PENYERTAAN
Perseorangan	RM 700
Berkumpulan (Untuk 3 atau lebih peserta daripada organisasi yang sama)	RM 650
Antarabangsa	USD 300

## Pembayaran boleh dilakukan melalui:

- Cek
- Pesanan Rasmi
- Bank Draf

## TARIKH – TARIKH PENTING:

Perkara	Tarikh Akhir
Pendaftaran dan Penerimaan Abstrak	17 Februari 2012
Tarikh Akhir Penghantaran Abstrak Panjang	28 Februari 2012
Tarikh Akhir Pembayaran Yuran Penyertaan	2 Mac 2012

## PEMBATALAN DAN DASAR BAYARAN BALIK

Tiada bayaran balik yuran penyertaan bagi pembatalan pendaftaran selepas tarikh **2 Mac 2012**.

## MAKLUMAT PENGINAPAN:

Tempahan penginapan adalah diatas urusan peserta.

Cadangan penginapan adalah di Hotel Mutiara, Johor Bahru berharga **RM 160.00** semalam bagi Superior Room (seorang) dengan sarapan. Sila maklumkan nama persidangan ini apabila membuat tempahan bilik.

No. Telefon : 07 - 330 0300

No. Faks : 07- 331 8884

Laman web : <http://www.mutiarahotels.com>

## MAKLUMAT LANJUT MENGENAI PERSIDANGAN SILA HUBUNGI:

### SEKRETARIAT PPSK 2012

d/a Pusat Pengajian Fizik Gunaan  
Fakulti Sains Dan Teknologi  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E  
(**u.p : Hani Azlin Hussin Shaukat**)

Tel : 03-8921 4377 (Hani Azlin)/ 03-89214543 (Noor Jannah)

Faks : 03-8921 3777

Mel – e : [ppsk2012@gmail.com](mailto:ppsk2012@gmail.com)

Laman Web : <http://ppsk2012.blogspot.com>